

# OKU pakar jahit baju

■ *Ruhana berdikari, bijak cari rezeki sara hidup ibu bapa dan 9 beradik*



RUHANA menjahit pakaian pelanggan untuk menyara hidup.

Siti Nor Hidayatidayu Razali  
sitinor@hmetro.com.my

## Pasir Mas

**W**alaupun berjalan secara membongkok sambil memegang lutut, namun wanita orang kurang upaya (OKU) ini sangat cekal selain sentiasa berdikari mencari rezeki untuk menyara hidupnya.

Ruhana Idris, 53, me-

ngambil tempahan menjahit pakaian seperti baju kurung, jubah dan kebaya malah kemahirannya itu dimanfaatkan sejak berusia 25 tahun.

Dia yang tinggal Kampung Binjai Manis, Bunut Susu berkata, membesar menjadi OKU menjadikannya perlu menabuh dan bijak mencari peluang untuk tidak bergan-

tung kepada orang lain.

Katanya, dia mula menghadapi masalah terabab apabila diserang demam panas ketika berusia setahun, sekali gus membantutkan perkembangan kaki.

Disebabkan itu, anak sulung daripada 10 beradik itu terpaksa berjalan secara membongkok dan memegang lutut untuk memudahkan pergerakan selain

aktiviti seharian.

“Ada kalanya, untuk berjalan jauh, saya menggunakan tongkat kerana tidak mampu mengimbangi badan dalam tempoh yang lama dan mudah sakit, belakang.

“Namun, walau ditakdirkan menjadi insan OKU, saya tidak mahu menyusahkan orang lain dan mencari wang sendiri untuk meneruskan kehidupan.

“Alhamdulillah, Allah SWT kurniakan kemahiran menjahit ketika saya berusia 25 tahun dan dengan pekerjaan itu saya dapat mencari pendapatan sendiri,” katanya.

Menurutnya, dalam sehari, dia mampu menyiapkan tiga pasang baju wanita yang ditempah pelanggan dari sekitar Pasir Mas, Kota Bharu dan Tumpat dengan upah serendah RM35 sepasang.

Ruhana berkata, dia menggunakan wang berkecuaan untuk membantu bapanya, Idris Jusoh, 78, dan ibu, Kamariah Mat Yusoff, 66, selain menyara sembilan adik-adiknya ketika mereka masih bersekolah.

Kini, katanya, semua adiknya sudah bekerja dan mempunyai kehidupan masing-masing.

“Ayah menghidap kencing manis, darah tinggi dan buah pinggang, jadi tidak mampu bekerja sejak 25 tahun yang lalu.

“Dengan wang itu, saya dapat meringankan beban ibu bapa untuk menyara sembilan adik,” katanya.

VA mengalami kaki mengecil di bahagian kiri  
n secara membongkok sambil memegang lutut.

**FAKTA**  
Ruhana mula hidup masalah terabab selepas diserang demam panas ketika berusia setahun